

29 SEP 1999

Mahathir-PBB

MAHATHIR MINTA PBB BIARKAN M'SIA URUS DIRINYA SENDIRI

Oleh: Amin Husaini Harun

NEW YORK, 29 Sept (Bernama) -- Malaysia membuat rayuan kepada masyarakat antarabangsa supaya ia dibiarkan sendirian dalam mengendalikan negara mengikut caranya sendiri demi kepentingan rakyatnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membuat rayuan itu berkata: "Kita tidak akan mengganggu orang lain. Kita bukan hendak membelakangkan diri daripada dunia sejagat. Kami akan terus menyumbang untuk keamanan dunia."

Ketika berucap pada sesi ke-54 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di sini pada Rabu, beliau berkata Malaysia akan terus bekerjasama dengan negara-negara lain, terutama dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Beliau berkata sungguhpun Malaysia menerima kritikan, sama ada yang wajar dan tidak wajar, ia berharap pihak lain akan juga menerima kritiknya terhadap mereka.

"Ucapan yang bebas tidak membawa makna sekiranya kritikan hanya boleh diarahkan kepada yang miskin dan lemah, tetapi tidak terhadap yang kaya dan yang berkuasa.

"Dalam mengkritik orang lain kami hanya melaksanakan hak kami terhadap kebebasan untuk melahirkan perasaan," katanya.

Dengan mengimbas kembali kegawatan ekonomi yang melanda Malaysia dan beberapa negara Asia, Dr Mahathir menyifatkannya sebagai satu "pengalaman yang traumatik" apabila usaha gigih selama 42 tahun untuk membangunkan negara hancur, terutama langkah untuk mengurangkan permusuhan di antara kaum di Malaysia.

"Kami telah merangka formula kami sendiri untuk pemulihan. Dengan rahmat dan restu Allah kami kini dapat mengubah keadaan dan kami semakin pulih.

"Bagaimanapun kami menghadapi tekanan supaya menghentikan kawalan mata wang kami. Kami tidak mengerti. Ia telah membawa banyak kebaikan kepada kami. Ia tidak menjejaskan sesiapa kecuali beberapa ribu manipulator mata wang yang kaya," katanya.

Perdana Menteri berkata orang asing yang menjalankan perniagaan sebenar di Malaysia telah meraih keuntungan daripada kawalan itu.

"Bagaimanapun kami masih digesa supaya akur kepada sistem kewangan antarabangsa yang membolehkan golongan yang kejam untuk memusnahkan kekayaan banyak negara," katanya.

Beliau berkata tidak ada percubaan serius dibuat untuk mengubah sistem kewangan antarabangsa, walaupun setakat ini hanya ada perbincangan mengenai hasrat, tetapi ancaman ketidakstabilan kewangan, ekonomi dan politik masih kekal.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menyentuh mengenai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dengan menyifatkannya sebagai sebuah badan yang "tidak berdaya" yang seringkali dilangkau oleh negara besar dan berkuasa yang nampaknya mengambil keputusan sendiri bila untuk campur tangan dan bila untuk menarik diri.

Malangnya tidak ada sesiapa yang menjangka akan berlaku sebarang perubahan selagi PBB dimiliki oleh lima anggota tetap -- Amerika Syarikat, Rusia, Britain, Perancis dan China, katanya.

Struktur PBB akan terus menggambarkan kemenangan gemilang negara-negara

itu 50 tahun yang lalu manakala bagi negara-negara kecil, ucapan saban tahun dan pelbagai ucapan ulangtahun akan dibenarkan.

Dr Mahathir percaya walaupun sekurang-kurangnya tiga daripada Lima Anggota Tetap itu menyokong dengan lantang demokrasi, tidak ada sebenarnya demokrasi di dalam PBB, kecuali bagi agensi-agensinya dan usaha-usaha murni yang mereka laksanakan.

Perdana Menteri juga mengkritik badan dunia itu kerana mempunyai prinsip-prinsip yang luar biasa.

Lazimnya untuk meneliti, melapor dan menyuarakan sesuatu pendapat atau keputusan berhubung sesuatu perkara, seorang yang berkecuali dan tidak berat sebelah akan dipilih, tetapi ini tidak dipraktikkan ketika memilih seseorang yang sememangnya terkenal kerana kecamannya terhadap badan kehakiman Malaysia untuk membuat laporan mengenai institusi itu, katanya.

Perdana Menteri berkata PBB memberikan orang itu status imuniti mutlak terhadap undang-undang negaranya sendiri tanpa merujuk atau mendapatkan persetujuan negara terbabit, imuniti berkenaan jelas sekali melampaui tugasnya untuk mengemukakan laporan kepada badan dunia itu.

"Dia juga boleh menerbitkan pendapatnya, memfitnah orang dan subjek untuk kajiannya di mana sahaja. Tidakkah ada had imuniti seseorang Pesuruhjaya Bangsa-bangsa Bersatu.

"Kita diberitahu bahawa kerajaan tidak harus campur tangan dengan badan kehakiman. Namun begitu dalam kes ini kerajaan diminta mengarahkan badan kehakiman supaya tidak bertindak terhadap Pesuruhjaya Bangsa-bangsa Bersatu itu kerana melanggar undang-undang negara," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau bukan menyalahkan Setiausaha Agung PBB berhubung perkara itu tetapi sistem berkenaan agak pelik dan beliau tidak dapat menerima prinsip-prinsip yang digunakan untuk pemilihan Pesuruhjaya Bangsa-bangsa Bersatu itu.

"Ada sesuatu yang tidak kena di sini yang perlu diteliti oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata negara-negara kecil tidak mempunyai forum untuk meluahkan pendapat mereka dengan bebas manakala media Barat akan memutar-belitkan setiap perkara yang dinyatakan atau dilakukan oleh negara-negara kecil itu.

"Sekali lagi kita diminta memberi imuniti kepada wartawan barat. Mereka boleh melanggar undang-undang kita tetapi tidak ada tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka.

"Saya ingin menyatakan bahawa di Malaysia Yang di-Pertuan Agong dan Sultan-Sultan juga tidak terkecuali daripada undang-undang," kata Dr Mahathir merujuk kepada hukuman penjara yang dijatuhkan terhadap seorang wartawan Kanada yang didapati bersalah menghina mahkamah oleh mahkamah Malaysia.

Perdana Menteri berkata abad ke-21 tidak menjanjikan sesuatu yang baik bagi yang miskin dan lemah, bagi harimau dan naga Asia kerana semuanya akan terus diadun di Barat.

"Seperti juga komunisme dan sosialisme datang dari Barat, demokrasi yang liberal, globalisasi, dunia tanpa sempadan, pembatalan kawal selia, pengaliran bebas modal dan penghijrahannya, mendisiplinkan kerajaan oleh pasaran dan oleh pedagang mata wang dan pelbagai lagi idea lain kesemuanya juga datang dari Barat.

"Dan apa yang datang dari Barat adalah universal. Nilai-nilai dan budaya lain tidak diperlukan. Kepelbagaian sama ertinya dengan keras kepala dan oleh itu harus dihapuskan," katanya.

Sambil mengkaji semula peristiwa yang berlaku pada abad ke-20, Dr

Mahathir berkata abad ini menyaksikan peperangan yang paling dahsyat yang memusnahkan berbilion dolar harta benda dan mengorbankan berjuta orang seperti enam juta orang Yahudi dan beratus ribu yang terbunuh oleh bom nuklear yang pertama.

Beliau berkata pembentukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu selepas Perang Dunia Kedua gagal membawa keamanan yang berpanjangan di dunia manakala kehancuran blok Timur gagal membawa kejayaan ekonomi kepada negara-negara bekas komunis yang menggunakan demokrasi liberal pasaran bebas barat.

Perdana Menteri berkata dengan berakhirnya konfrontasi Timur-Barat, konflik telah meningkat dan bukannya berkurangan.

Katanya masalah Palestin masih belum dapat diatasi tetapi sekatan dan pengeboman ke Iraq, sekatan terhadap Libya, dan konflik yang dihasilkan berikutan keruntuhan Soviet Union masih berterusan.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), katanya, juga gagal memainkan peranannya dan IMF yang sepatutnya membantu sebaliknya telah memburukkan lagi negara-negara yang miskin akibat pedagang mata wang dan manipulator, menyebabkan mereka kehilangan kebebasan berpolitik.

"Ini adalah senario pada suku terakhir abad ke-20...ada gunanya untuk mengkaji semula peristiwa yang berlaku pada abad ke-20 agar kita dapat belajar daripada pengalaman kita dan berharap kita tahu untuk menguruskan diri pada abad ke-21.

"Rakyat Malaysia tidak terlalu terpesona dengan prospek yang kami lihat pada abad berikut. Tetapi saya boleh memberi jaminan bahawa kami akan menjadi sebuah negara yang bertanggungjawab, mesra terhadap kesemua yang berbaik-baik dengan kami dan tidak menyimpan niat buruk terhadap sesiapa," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA
AHH AKD RON